

46 kakitangan UMSKAL hadiri Kursus Coaching Minda

VB 9.10.2019 4

LABUAN: Seramai 46 kakitangan sokongan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menghadiri Kursus Coaching Minda 2019 (Lanjutan) Siri II yang diadakan di Bilik Sri Menanti, Bangunan

Menara UMSKAL pada 7 dan 8 Oktober lalu.

Kursus dua hari itu diketuai oleh Ketua Bahagian Sumber Manusia UMS, Masri Judah.

Beliau yang juga timbalan pendaftar kanan berkata

antara objektif kursus berkenaan ialah untuk meningkatkan potensi kerja yang baik melalui pendekatan Neuro Linguistic Programming (NLP).

Kursus itu juga bertujuan mengenali sistem representasi

diri, membantu berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih baik.

“Kursus dua hari itu juga bertujuan memaksimumkan kemampuan diri,” kata Masri ditemui selepas mengakhiri ceramahnya, semalam.



ALBUM: Masri (empat kanan) bersama peserta Kursus Coaching Minda 2019 (Lanjutan) Siri II di UMSKAL.